

25 JAN 1997

Balak-Laporan

LAPORAN SIASATAN BALAK SABAH DIJANGKA DISERAH ISNIN

KOTA KINABALU, 25 Jan (Bernama) -- Jawatankuasa peringkat tertinggi bagi menyasat kes penyeludupan kayu balak dari Tawau, Sabah dijangka dapat menyerahkan laporannya kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Isnin ini.

Timbalan Ketua Menteri Datuk Ghapur Salleh yang mempengerusikan jawatankuasa itu menyatakan demikian kepada pemberita di sini selepas menerima sumbangan kepada mangsa ribut Greg bernilai RM112,485 daripada Golden Hope Plantation, Wanita Barisan Nasional Tawau dan Felda Umas-Umas.

Anggota lain jawatankuasa berkenaan ialah Menteri Pertanian dan Perikanan Negeri, Datuk Pandikar Amin Mulia, Ketua Polis Negeri Datuk Maizan Shaari, Peguam Besar Negeri Datuk Stephen Foo, Setiausaha Hasil Bumi Datuk William Shim dan wakil Lembaga Industri Kayu Malaysia (MTIB), jabatan perhutanan dan kastam.

Isu balak di Sabah menjadi hangat berikutan penahanan kargo MV Able Helmsman di perairan antara Wallace Bay dan Pulau Sebatik di Tawau, 18 Jan lepas kerana disyaki cuba membawa keluar 3,049 batang balak bernilai RM7 juta.

Berikutan itu Anwar telah meminta Sabah menubuhkan jawatankuasa peringkat tertinggi bagi menyasat kes berkenaan serta mencari punca kenapa enam lagi kapal yang juga disyaki membawa balak secara haram, terlepas begitu sahaja tanpa dikenakan tindakan.

Pada 22 Jan lepas, Kerajaan Negeri Sabah menubuhkan jawatankuasa itu dengan dipengerusikan Ghapur, bagi menyasat sebarang elemen jenayah atau pengabaian tugas yang membawa kepada penyeludupan kayu balak dari Tawau.

Di KUALA LUMPUR, Anwar menyatakan bahawa siasatan itu sedang diselaraskan oleh Kementerian Kewangan.

Anwar yang juga menteri berkenaan berkata Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Operasi), Datuk Shahbuddin Imam Mohamed, telah dilantik sebagai penyelarasan siasatan itu.

"Penyasatan sedang dibuat. Saya minta Datuk Shahbuddin daripada kementerian (kewangan) untuk menyelaraskannya," katanya ketika ditanya pemberitaselepas majlis menandatangani perjanjian pembiayaan bersindiket Al-Bai Bithaman Ajil dengan terbitan nota berjumlah RM2,200 juta untuk KL International Airport Berhad (KLIA).

Sementara itu Ghapur juga berkata kerajaan negeri dijangka mengemukakan saranan kepada kerajaan Persekutuan bagi memperjelaskan siapa yang berkuasa berhubung kelulusan permit eksport balak dari Sabah.

Katanya penyelarasan itu perlu bagi mengelak pertindihan kuasa antara Jabatan Perhutanan Sabah dan Kementerian Perusahaan Utama dalam pemberian permit eksport balak dari negeri ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik semalam berhubung kelulusan permit eksport yang diberi oleh kementerian itu kepada sebuah syarikat di Tawau bagi mengeksport semula lebih balak.

Lim dilaporkan sebagai berkata, kelulusan untuk mengeksport lebih balak berkenaan hanya sah sehingga 31 Dis lepas dan sebarang cubaan mengeksport balak selepas tempoh itu adalah tidak sah.

Ghapur berkata hanya Jabatan Perhutanan Sabah mempunyai kuasa mutlak dalam meluluskan eksport balak dari negeri ini.

Beliau berkata kuasa untuk meluluskan lesen eksport balak berkenaan sepatutnya terletak dalam bidang kuasa Jabatan Perhutanan Sabah dan royalti

eksport bagi balak berkenaan hendaklah dibayar kepada kerajaan negeri.

Apabila ditanya sama ada kerajaan negeri sedar bahawa ada permit eksport dikeluarkan oleh Kementerian Perusahaan Utama, Ghapur berkata: "Kita tidak tahu perkara ini. Kalau kita tahu, tentu royalti akan dikutip."

-- BERNAMA

JS AH NMO